

ANALISIS MASALAH DISIPLIN BERAT DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH

MARYDEVI A/P TANIAPA

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis masalah disiplin berat yang berlaku dalam kalangan pelajar tingkatan satu dan tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di negeri Perak. Seramai 20 orang pelajar dipilih sebagai responden kajian ini. Kaedah Pedagogi Hermeneutik digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data. Transkrip temu bual digunakan untuk mengumpul data daripada responden. Hasil kajian menunjukkan jenis-jenis masalah disiplin berat yang sering berlaku dalam kalangan pelajar ialah kes pergaduhan, merokok, buli dan peras ugut. Faktor-faktor paling dominan yang menyebabkan berlakunya masalah disiplin berat dalam kalangan pelajar sekolah menengah ialah faktor rakan sebaya dan ibu bapa. Oleh hal yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak ibu bapa harus bekerjasama dengan pihak sekolah bagi mengurangkan masalah disiplin berat dalam kalangan pelajar sekolah menengah.



ANALYSIS OF SERIOUS DICIPLINE PROBLEMS AMONG THE SECONDARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to identify the types of serious discipline problems among students in form one and form two in a secondary school in Perak. A total of 20 students were selected as respondents. Hermeneutics Pedagogy Method was used in this study to analyze the data. Transcribed interviewed questions were used to obtain the data from the respondents. The results showed that the types of serious discipline problems that often occur among the students are fighting, smoking, bullying and extortion. The dominant factors which cause the serious disciplinary problems among the secondary school students are peer and parental factors. Therefore, the Ministry of Education and parents should cooperate with the school authorities to reduce the serious disciplinary problems among secondary school students.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Pernyataan Masalah	16
1.4	Objektif Kajian	21
1.5	Soalan Kajian	22
1.6	Kepentingan Kajian	22
1.7	Batasan Kajian	25
1.8	Definisi Istilah Kajian	26
1.8.1	Masalah Disiplin	26
1.8.2	Disiplin Berat	28

1.8.3 Kaedah Pedagogi Hermeneutik

29

1.9

Rumusan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Kesalahan Disiplin	32
a)	Kesalahan Ringan	32
b)	Kesalahan Sederhana	33
c)	Kesalahan Berat	34
2.3	Teori-teori Masalah Disiplin Berat	37
2.4	Kajian Luar Negara tentang Masalah Disiplin	42
2.5	Kajian Dalam Negara tentang Masalah Disiplin	47
2.6	Kaedah Pedagogi Hermeneutik	54
2.7	Kerangka Kajian	59
2.8	Rumusan	61

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Kaedah Kajian	64
3.4	Unsur-unsur Instrumen, Kesahan dan Kebolehpercayaan	66
3.5	Teks Sebagai Subjek Kajian (Transkripsi Soal Selidik)	67
3.5.1	Ciri-ciri Keterbukaan (<i>Openness</i>)	68



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

	3.5.2 Ciri-ciri Kekaburuan pada Teks (Ontoenigma)	68
	3.5.3 Metateks	70
3.6	3.6 Tempat Kajian	71
3.7	3.7 Prosedur Kajian	72
3.8	3.8 Rumusan	75

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	4.1 Pengenalan	76
4.2	4.2 Keikhlasan Pelajar	77
4.3	4.3 Analisis Transkrip Temu Bual Pelajar Untuk Menginterpretasi Aspek Masalah Disiplin Berat dalam Kalangan Pelajar.	78
4.4	4.4 Hasil Kajian Analisis Masalah Disiplin Berat Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah	175
4.4.1	4.4.1 Analisis Jenis Masalah Disiplin Berat dalam Kalangan pelajar Sekolah Menengah	175
4.5	4.5 Analisis Faktor yang paling Dominan Mempengaruhi Tingkah Laku Disiplin Berat dalam Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah	177
4.5.1	4.5.1 Analisis Faktor Rakan Sebaya	177
4.5.2	4.5.2 Analisis Faktor Kurang Pemerhatian Ibu Bapa	179
4.5.3	4.5.3 Analisis Peranan Guru dalam Penyelesaian Masalah Disiplin Berat dalam Kalangan Pelajar	180
4.5.4	4.5.4 Analisis Faktor Kurang Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Anak	181
4.6	4.6 Analisis Tahap Hubungan Pelajar Dengan Ibu Bapa	182
4.7	4.7 Analisis Peranan Guru dalam Penyelesaian Masalah Disiplin Berat dalam Kalangan Pelajar	184
4.8	4.8 Rumusan	185

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	186
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian Tentang Analisis Masalah Disiplin Berat dalam Kalangan Pelajar	187
a)	Mengenal pasti jenis-jenis kesalahan disiplin berat yang berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah menengah	187
b)	Mengenal pasti faktor-faktor paling dominan menyebabkan berlakunya kesalahan disiplin berat dalam kalangan pelajar sekolah menengah	188
c)	Mengenal pasti tahap kasih sayang ibu bapa pelajar terhadap anak-anak yang belajar di sekolah menengah	190
d)	Mengenal pasti tahap guru menyelesaikan masalah disiplin berat yang dihadapi pelajar	193
5.3	Cadangan	196
5.3.1	Peranan Ibu Bapa dalam mengatasi Masalah Disiplin Berat dalam Kalangan Pelajar	197
5.3.2	Peranan Sekolah dalam mengatasi Masalah Disiplin Berat dalam Kalangan Pelajar	198
5.3.3	Peranan Pihak Guru dalam mengatasi Masalah Disiplin Berat dalam Kalangan Pelajar	200
5.4	Cadangan untuk Kajian Pada Masa Depan	202
5.5	Rumusan	203
	RUJUKAN	204
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Bilangan dan Peratus Pelajar Sekolah Menengah dalam Kategori Kes Disiplin Berat	10
1.2 Bilangan dan Peratus Pelajar Sekolah Menengah dalam Ketogori Kes Disiplin Ringan	10
1.3 Bilangan Pelajar Sekolah Menengah Dikenakan Hukuman Berat	11
2.1 Kategori Kesalahan Ringan	33
2.2 Kategori Kesalahan Sederhana	34
2.3 Kategori Kesalahan Berat	35
4.1 Jenis-Jenis Masalah Disiplin Berat yang berlaku dalam Kalangan Pelajar	175
4.3 Tahap Hubungan Rapat antara Responden dengan Ibu Bapa	182

No. Rajah**Muka Surat**

2.1	Kerangka Kajian	60
3.1	Proses Ontopretasi	69
3.2	Kekaburuan Ontoenigma	70
3.3	Prosedur Kajian	74
4.1	Peratus Penglibatan Pelajar dalam Masalah Disiplin Berat	176

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Disiplin memainkan peranan yang penting ke arah pembentukan sahsiah para pelajar. Disiplin adalah salah satu komponen penting dalam sistem persekolahan yang berkait rapat dengan tata tertib, tatasusila, akhlak dan kesopanan. Perkataan disiplin merupakan satu perkataan yang begitu sinonim dalam kehidupan kita seharian. Perkataan disiplin ini membawa pengertian yang begitu luas. Perkataan disiplin boleh

membawa pengertian yang negatif ataupun pengertian yang positif. Walau bagaimanapun, pengertian negatifnya yang sering menjadi tumpuan dan menjadi satu isu yang amat popular apabila melibatkan individu atau kumpulan yang rapat dengan masyarakat.

Di sekolah, disiplin menjadi satu aspek kawalan sosial bagi mewujudkan suasana yang tenteram supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan lancar. Bagi masyarakat di luar sekolah, disiplin adalah asas yang amat penting bagi membentuk kerukunan hidup selaras dengan norma, nilai dan aspirasi negara. Guru adalah golongan yang perlu memberi penekanan terhadap pemupukan disiplin pelajar-pelajar ketika berada di sekolah. Manakala ibu bapa dan masyarakat perlu memupuk disiplin semasa pelajar-pelajar berada di luar sekolah.


 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Disiplin dan kawalan pelajar di sekolah harian sentiasa dikaitkan dengan kemerosotan disiplin dalam kalangan pelajar sekolah. Tumpuan utama para guru melihat disiplin adalah untuk melambangkan kesungguhan dan kesediaan pihak sekolah dengan memberi penegasan yang lebih berkesan. Paling tidak, memberi suatu garis panduan mengenai masalah disiplin yang kerap berlaku di sekolah. Selain itu, bagaimana disiplin dapat dikawal oleh pihak sekolah pada setiap hari serta menerapkan nilai-nilai disiplin, dan membantu meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran.

Masalah disiplin sekolah lebih sesuai dirujuk sebagai masalah salah laku pelajar atau tingkah laku devian. Salah laku atau devian merupakan bentuk tingkah laku yang menyimpang daripada norma-norma sosial masyarakat. Mereka yang devian adalah mereka yang melanggar peraturan. Para pelajar yang melanggar peraturan-peraturan sekolah digelar sebagai pelajar salah laku atau pelajar devian. Masalah disiplin di sekolah hari ini sering menjadi tajuk hangat yang dibincangkan oleh pelbagai pihak. Media massa sama ada cetak atau elektronik sentiasa memberi liputan yang meluas terhadap isu ini. Setiap hari kita akan disajikan dengan berita-berita kemerosotan dalam kalangan pelajar.

Menurut Tajul Ariffin Noordin (1990), masalah kemerosotan akhlak dan disiplin pelajar sering ditimbulkan. Masalah ini sekaligus membawa gambaran negatif kepada sistem pelajaran kita. Punca utama masalah ini ialah penekanan konsep pelajaran yang keterlaluan kepada isi pelajaran, lulus periksa, pengkhususan yang terhad dan menumpukan kepada perkembangan intelek dan kemahiran semata-mata. Persoalan pembinaan sikap, akhlak dan disiplin diabaikan. Perkara yang sangat membimbangkan kita pada masa kini ialah berhubung keruntuhan akhlak pelajar sekolah menengah yang terlibat dalam pelbagai salah laku seperti ponteng kelas, mengganggu semasa pengajaran, penyalahgunaan dadah, berkhalwat, peras ugut, bergaduh, melawan guru dan sebagainya. Perbuatan salah laku ini adakalanya menjadi begitu bertentangan dengan apa yang sepatutnya diamalkan dan dipelajari oleh seorang pelajar. Kini kita dikejutkan dengan satu hakikat yang amat sukar untuk kita

huraikan bahawa semakin berkembangnya ilmu pengetahuan, semakin meluas pula keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Menurut Harre dan Lamp (1983), remaja mula melakukan penyesuaian diri yang lebih kompleks dengan keluarga, teman sebaya dan guru, melalui aktiviti sehari-hari dan kehidupan sosial sesuai dengan perasaannya. Disiplin berkaitan dengan tatatertib, tatasusila, kesopanan dan akhlak. Disiplin membawa erti bukan sahaja mempunyai dan menghayati perlakuan yang diharapkan masyarakat, tetapi sanggup juga taat dan setia kepada sekolah, negeri dan negara. Suasana bilik darjah yang kondusif merupakan bilik darjah yang tiada masalah disiplin. Pelajar-pelajar yang berdisiplin akan menjamin keselesaan, kekemasan serta suasana rasa hati yang menggalakkan bagi proses pengajaran dan pembelajaran (Ee Ah Meng, 1987).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Peningkatan kes kemerosotan disiplin dalam kalangan pelajar boleh dijadikan sebagai ukuran dalam menilai sejauh manakah keberkesanannya sistem pelajaran yang dilaksanakan sekarang dalam usaha melahirkan insan yang kamil. Kurikulum yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mencakupi segala bidang ilmu pengetahuan untuk menjadikan seseorang pelajar itu insan yang berakhhlak mulia dan beramal soleh (Sufean Hussein, 1993). Pengawasan terhadap masalah disiplin pelajar sentiasa diberi perhatian oleh semua pihak baik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) maupun oleh pihak sekolah. Pengetua atau Guru Besar sentiasa mengambil tindakan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

yang perlu dalam usaha membendung masalah disiplin pelajar (Laporan Salah Laku Pelajar, 1994/95).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Peraturan dan hukuman yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjadi panduan semasa melaksanakan pengawasan disiplin (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979). Mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979): “Rakyat yang berdisiplin adalah penting untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bertatasusila, bersatu padu, demokratik, adil, liberal dan progresif, seperti cogan kata yang berbunyi: “Rakyat Berdisiplin, Negara Maju.” Disiplin merupakan suatu jenis latihan yang melahirkan individu supaya menjadi insan yang berakhhlak mulia, berfikiran rasional, sanggup mematuhi undang-undang dan hak-hak individu lain, bertanggungjawab serta sanggup memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Disiplin juga menekankan bahawa disiplin bilik darjah yang baik akan membawa implikasi-implikasi pengajaran dan pembelajaran seperti yang berikut:

- i. Pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar, sistematik serta dalam suasana kondusif dan berkesan.
- ii. Keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bawah kawalan bilik darjah secara berdisiplin akan dapat dipertingkatkan lagi.
- iii. Guru dapat melaksanakan rancangan pengajarannya mengikut masa yang ditetapkan tanpa sebarang gangguan.
- iv. Objektif pembelajaran yang telah ditetapkan dapat dicapai dengan berkesan.
- v. Pelajar-pelajar berasa selamat dan gembira menyertai aktiviti pembelajaran, di samping mengikuti pelajaran dalam keadaan berdisiplin.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- vi. Keterangan, arahan dan bimbingan guru dapat diikuti dan dipatuhi oleh semua pelajar dengan tepat dan tanpa sebarang keraguan.
- vii. 05-4506832 Kemalangan di dalam bilik darjah, bengkel dan makmal dapat dielakkan..psi
- viii. Nilai-nilai moral dapat dipupuk dengan berkesan dalam bilik darjah yang berdisiplin.
- ix. Pelajar-pelajar dapat memperoleh kemahiran dan ilmu pengetahuan dengan sempurna dan mencukupi.

Justeru, masalah melanggar disiplin sekolah dalam kalangan pelajar adalah perkara yang perlu difikirkan secara serius dan terperinci memandangkan pelajar merupakan bakal pemimpin negara. Negara memerlukan bakal pemimpin yang mempunyai keperibadian yang mulia untuk merealisasikan Wawasan 2020. Disiplin diri dalam kalangan pelajar bertujuan untuk menjadi sebuah masyarakat yang bersatu padu, demokratik, adil, liberal, progresif dan bertatasusila.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
Oleh hal yang demikian, semua pihak harus membantu dan bekerjasama, terutamanya ibu bapa, guru-guru, sekolah dan pihak kerajaan dalam hal mengembangtenaga untuk memastikan masalah disiplin dalam kalangan pelajar dapat dibendung supaya masalah itu tidak menjadi masalah yang boleh menjelaskan nama baik sekolah sekali gus nama baik negara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Masalah disiplin berat dalam kalangan pelajar merupakan masalah universal yang dihadapi oleh semua sekolah di dunia (Cotton, 2001). Di Malaysia, masalah disiplin

berat sering menjadi perhatian media massa dan terus dibincangkan oleh masyarakat seolah-olah tiada penghujungnya. Pelbagai pandangan telah diutarakan oleh masyarakat tentang perlunya tindakan tegas diambil terhadap masalah disiplin berat yang semakin merosot (Khalim, 2004). Terdapat pihak yang mahu kaedah tradisional, iaitu penggunaan rotan diperkenalkan semula. Ada yang menginginkan guru disiplin diberi kuasa penuh untuk bertindak. Pihak sekolah juga sering dipersalahkan sekiranya berlaku tindakan guru yang agak melampaui batas terhadap pelajar yang bermasalah disiplin berat, seperti mencubit yang keterlaluan, merotan sehingga meninggalkan kesan, mengarahkan pelajar berdiri dalam jangka masa yang agak lama.

Kini, berita seperti kemerosotan disiplin pelajar dan masalah disiplin di sekolah-sekolah amat serius sehingga mencapai tahap yang membimbangkan. Walaupun pelajar sekolah diajar supaya menerima nilai-nilai murni tetapi keadaan ini hanya kelihatan retorika semata-mata. Pelajar merupakan elemen atau aset penting dalam negara dan bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan. Mereka yang akan terus melaksanakan program pembangunan negara untuk mencapai Wawasan 2020. Pembangunan negara yang pesat dalam sektor ekonomi, sosial dan budaya serta perkembangan teknologi maklumat telah membawa bersama gejala sosial yang negatif dalam kalangan pelajar sekolah. Keruntuhan akhlak dan nilai-nilai moral serta gaya hidup yang tidak sihat telah memberi kesan yang buruk kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Satu kes buli yang dilaporkan pada bulan Februari 2009 di sebuah sekolah di Kuala Lumpur, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Cheras. Kejadian tersebut berlaku akibat perebutan seorang gadis yang dipercayai menjadi punca sekumpulan 24 orang remaja membela seorang pelajar tingkatan empat sehingga koma. Mangsa tersebut, Mohd Azlin Mohamad, cedera teruk di bahagian belakang kepala apabila lima orang lelaki daripada kumpulan itu disyaki memukulnya dengan besi, topi keledar dan pengunci motosikal, selain menendangnya tanpa belas kasihan. Kumpulan lelaki itu, termasuk beberapa orang pelajar sekolah tersebut mlarikan diri meninggalkan mangsa yang berlumuran darah di tempat kejadian. Dalam kejadian jam 9.30 malam, Mohd Azlin Mohamad bersama beberapa rakannya menunggu di depan sekolah berkenaan untuk menyelesaikan masalah dengan seorang remaja lelaki yang dikatakan keluar bersama teman wanitanya.

Berikutnya kejadian tersebut, Timbalan Ketua Polis Daerah Cheras, Superintendant Abd. Rahim Hamzah Othman berkata, polis sudah mengenal pasti dua individu daripada kumpulan lelaki itu berdasarkan soal siasat yang dijalankan. Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan (Harian Metro, 19hb Februari 2009). Selain itu, masalah disiplin dalam kalangan pelajar ini juga telah dibuktikan dengan kes buli terkini yang dilakukan oleh sekumpulan pelajar tingkatan tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan Oya, Dalat, Mukah, Sarawak telah mencabar kewibawaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sehingga mantan Ketua Pengarahnya Datuk Alimudin Mohd Dom terpaksa turun padang bagi menyelesaikan masalah tersebut. Tahap disiplin yang membimbangkan ketika ini menyebabkan

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengadakan perbincangan dua hala dengan pihak polis bagi mencari jalan menangani kes berkenaan agar tidak berlarutan.

Mungkin sesetengah pihak, terutamanya ibu bapa menganggap disiplin pelajar merupakan tanggungjawab sekolah, manakala guru pula mengharapkan bahawa ibu bapalah yang sepatutnya mendisiplinkan anak mereka. Sekiranya perbalahan ini berterusan, kemungkinan pelajar akan semakin berani untuk melakukan masalah disiplin di sekolah, bahkan berlakunya masalah di luar sekolah (Berita Harian, 8hb Mac 2009).

Laporan dalam Harian Metro (19hb Februari 2009) membuktikan bahawa pelajar pada masa kini semakin berani melakukan masalah disiplin berat walaupun amaran telah diberikan. Kejadian yang berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Bentara Dalam, iaitu kes yang berkaitan dengan pelajar cuba membakar kereta baru guru di sekolah tersebut. Keadaan tersebut berlaku disebabkan teguran keras oleh guru wanita terhadap seorang pelajar tingkatan lima yang gagal menyiapkan carta perdagangan telah membawa pengalaman yang menakutkan itu. Guru berkenaan telah melaporkan kejadian itu di Ibu Pejabat Polis Daerah Segamat bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan. Kes berkenaan telah disiasat mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan kerana melakukan khianat. Jika sabit kesalahan, pelajar berkenaan boleh dipenjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-dua sekali. Jadual 1.1 menunjukkan bilangan dan peratus pelajar sekolah menengah yang termasuk dalam kategori disiplin berat di Malaysia pada tahun 2012.

Jadual 1.1 .

Bilangan dan Peratus Pelajar Sekolah Menengah dalam Kategori Kes Disiplin Berat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

2012

kaTBainun



ptbupsi

Bil	Kategori Kes Berat	Bil Murid	% Pemberatan	% Daripada enrolmen
1	Berunsur Jenayah	17595	38.7	0.32
2	Berunsur Kelucahan	3031	6.7	0.06
3	Laku Musnah	5212	11.5	0.01
4	Ponteng Sekolah	19545	43.1	0.36
JUMLAH		45,383	100	0.84
Kategori Kes Berat			40.7 %	

(Sumber : Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)

Jadual 1.2 pula menunjukkan bilangan kes disiplin pelajar pada tahun 2012 mengikut kategori kes ringan. Kes kurang sopan mencatatkan 27.8 peratus manakala kes tidak mementingkan masa pula 26.9 peratus. Kes kekemasan diri merupakan kes yang tertinggi dalam ketagori kes ringan, iaitu sebanyak 32.4 peratus.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual 1.2.

Bilangan dan Peratus Pelajar Sekolah Menengah dalam Kategori Kes Disiplin Ringan

Bil	Kategori Kes Ringan	Bil Murid	2012	
			%	% Daripada enrolmen
1	Kurang Sopan	18346	27.8	0.34
2	Tidak Pentingkan Masa	17808	26.9	0.33
3	Kenakalan	8563	12.9	0.16
4	Kekemasan Diri	21384	32.4	0.39
JUMLAH		66,101	100	1.22
Kategori Kes Ringan			59.3 %	

(Sumber : Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual 1.3 menunjukkan bilangan dan peratus pelajar yang dikenakan hukuman berat seperti buang sekolah, gantung sekolah dan merotan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Jadual 1.3.

Bilangan Pelajar Sekolah Menengah Dikenakan Hukuman Berat

Bil	Jenis Hukuman Berat	Jumlah	% daripada bilangan kes menengah	% daripada enrolmen pelajar menengah
1	Buang Sekolah	1348	1.85%	0.05%
2	Gantung Sekolah	8246	11.36%	0.35%
3	Rotan	27646	38.10%	1.17%
	Jumlah	37240	51.32%	1.58%

(Sumber : Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)

Selain itu, ponteng sekolah bukan sekadar masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), menyenaraikan lapan jenis masalah disiplin berat yang dilakukan oleh pelajar. Antaranya, masalah ponteng berada pada tangga teratas selepas kes kurang sopan, diikuti oleh kes berunsur jenayah, tidak mementingkan masa, kekemasan diri, kenakalan, laku musnah dan berunsur keluahan. Berdasarkan pengalaman lalu, kesan pelajar yang ponteng bukan sahaja ketinggalan dalam pelajaran, malah lebih teruk lagi apabila pelajar tersebut terbabit dalam gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, vandalisme, gangsterisme, minuman keras, seks bebas, perjudian dan lepak. Implikasi besar yang mungkin wujud akibat masalah ponteng itu menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menganggap salah laku disiplin yang paling serius.

Rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tahun 2009 menunjukkan bahawa 21,060 orang pelajar (0.39 peratus) dikesan ponteng sekolah, manakala 24,840 orang pelajar (0.46 peratus) pada tahun sebelumnya. Menurut Noorazman Mahat (2009), kegagalan pihak sekolah bertindak pantas dan telus dalam isu ini juga turut menjadi faktor yang mendorong masalah disiplin dalam kalangan pelajar menjadi meluas. Terdapat pihak sekolah yang merahsiakan masalah disiplin sekolah kerana tidak mahu nama sekolah terjejas. Tindakan ini menyebabkan ada pelajar yang beranggapan bahawa tindakan mereka melanggar disiplin tidak akan dilaporkan oleh pihak sekolah. Sikap kurang prihatin pihak sekolah yang turut menyebabkan pelajar semakin berani melakukan kesalahan disiplin.

Noh Omar (Utusan Malaysia, 25hb Julai 2007) mengakui bahawa masalah disiplin berat dalam kalangan pelajar dan cara sekolah menanganinya sering menjadi isu dan perhatian ibu bapa serta masyarakat. Oleh itu, sesuatu perlu dilakukan supaya pelajar dan guru mendapat pembelaan yang sewajarnya. Menurut beliau, keadaan ini membimbangkan berikutan laporan meluas oleh media mengenai tindakan guru terhadap pelajar yang tidak berdisiplin. Hal ini telah menimbulkan kesan negatif kepada guru dan ibu bapa juga sehingga menjaskan semangat guru untuk mendidik dan membentuk pelajar sebagai modal insan yang berguna. Selain itu, pihak masyarakat juga hilang kepercayaan ke atas sekolah sebagai institusi pendidikan.

Masalah ini semakin diperkatakan selepas Tunku Besar Tampin, Tunku Syed Razman Tunku Syed Idrus Al-Qadri meminta pihak sekolah, terutamanya guru besar

dan pengetua tidak melindungi salah laku pelajar mereka yang bertujuan untuk menjaga nama baik sekolah kerana tindakan demikian akan menimbulkan lebih banyak masalah seperti dilaporkan dalam akhbar. Menurutnya, perbuatan melindungi salah laku dan kesalahan disiplin boleh menyebabkan pelajar terus dengan sikap negatif kerana menganggap pihak sekolah takut mengambil tindakan. Dalam pada itu, masyarakat juga menganggap bahawa masalah disiplin pelajar berpunca daripada aktiviti tidak sihat pelajar di luar sekolah . Namun, kajian terbaru mendapati bahawa sekolah merupakan salah satu faktor penyebab masalah disiplin tersebut.

Menurut kajian Rusli Wahab dan Mohd. Hassan Hashim (2012), guru dan cara pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu penyebab masalah disiplin berat dalam kalangan pelajar. Kajian tersebut mendapati guru-guru kurang menggunakan ilmu psikologi dan kurang memahami keperluan pelajar, malah contoh dan teladan guru turut mempengaruhi disiplin pelajar. Selain itu, guru yang mengajar secara monopoli dan tahap kesabaran guru yang rendah juga mendorong pelajar melakukan kesalahan disiplin berat. Pihak pengurusan sekolah juga tidak memberi peluang kepada pelajar yang melakukan salah laku untuk membela diri atau memberi penjelasan. Tindakan keras oleh pihak pengurusan sekolah juga menyebabkan berlakunya masalah disiplin dalam kalangan pelajar.

Menurut Morris Haimowitz (2000), menyatakan “jenayah dicipta, bukan dilahirkan”. Salah laku pelajar merujuk tingkah laku yang menyimpang atau “*deviant behavior*” ataupun delinkuen daripada norma-norma yang dipercayai dan dianuti

dalam sesebuah masyarakat. Perlakuan yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang jenayah yang dilakukan oleh seseorang individu yang belum mencapai umur dewasa juga dikatakan pelajar-pelajar terjerumus dalam masalah disiplin.

Berita yang sering dipaparkan oleh media massa menunjukkan bahawa guru-guru seolah-olah tidak ada garis panduan untuk menangani masalah pelajar yang tidak berdisiplin. Hakikatnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan pekeliling khusus tentang tatacara menangani pelajar yang tidak berdisiplin di sekolah. Pihak kementerian menyedari bahawa tugas mendisiplinkan pelajar merupakan suatu perkara yang berat, tetapi menyedari bahawa tanpa disiplin yang tegas suasana kondusif tidak akan wujud.

Umumnya, ahli psikologi sosial mengkategorikan tingkah laku manusia kepada dua, iaitu tingkah laku positif (prososial) dan tingkah laku negatif (antisosial). Salah laku atau masalah disiplin berat dalam kalangan pelajar adalah termasuk dalam kategori antisosial, iaitu merujuk kelakuan tidak sopan, tidak baik, bertentangan dengan budaya tempatan dan menjatuhkan imej pelajar.

Di negara kita, perkara sedemikian belum lagi berlaku. Sekiranya perkara tersebut tidak dibendung, sudah tentu peristiwa sedemikian akan berlaku. Sekiranya sesuatu tingkah laku tidak berdisiplin ataupun tingkah laku bermasalah dilakukan oleh seseorang pelajar secara berulang kali, walaupun telah dinasihati, dikounseling dan

diberi amaran, maka pelajar tersebut dianggap sebagai pelajar yang menghadapi masalah disiplin berat (Khalim, 2004). Pelajar dalam kategori ini agak berbahaya jika dibiarkan berterusan dengan tingkah laku sedemikian. Perbuatan ini akan membawa masalah jenayah yang serius di negara kita. Kebiasaannya, pelajar yang menghadapi masalah disiplin berat akan dikenakan tindakan dibuang sekolah setelah menjalani proses kaunseling, amaran, berbincang dengan ibu bapa dan gantung sekolah (Ismail, 2005). Tindakan membuang sekolah adalah tidak adil, sedangkan usia mereka masih muda. Mereka juga boleh dibentuk agar menjadi insan yang berguna.

Hakikatnya, kini masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah semakin serius. Dalam hal ini, kita tidak perlu menuding jari kepada mana-mana pihak. Semua pihak harus bekerjasama dan memberi perhatian yang serius kerana masalah ini melibatkan aset negara yang tidak ternilai. Jika masalah ini tidak dapat dibendung pada peringkat awal lagi, maka negara kita yang akan menanggung akibatnya. Oleh hal yang demikian, masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah perlu diberi perhatian yang serius agar masalah ini dapat dibendung. Perkara ini perlu diselidik pada peringkat akar umbi kerana melalui peringkat tersebut dapat membantu untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pelajar.